



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
USAHAWAN DAN KOPERASI

SIARAN MEDIA

KUSKOP PERKASA ASPIRASI EKONOMI MADANI MELALUI SINERGI KEUSAHAWANAN DAN KOPERASI DI SABAH

PAPAR, 10 November – Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) terus memperkukuh komitmen membawa peluang Ekonomi MADANI kepada masyarakat luar bandar Sabah. Terkini, KUSKOP menganjurkan Seminar Aspirasi Usahawan dan Koperasi MADANI bagi mempertingkatkan sinergi antara agensi keusahawanan dan koperasi. Seminar ini dirasmikan oleh **YBhg. Dato' Sri Khairul Dzaimie Daud, Ketua Setiausaha KUSKOP**, di Dewan Serbaguna Kampung Biau, Papar, Sabah.

Program anjuran bersama **Institut Keusahawanan Negara (INSKEN)** dan **Institut Koperasi Malaysia (IKMa) Zon Sabah** ini menghimpunkan lebih **300 usahawan, anggota koperasi serta wakil agensi pembangunan ekonomi** di Sabah bagi memperkasa mereka melalui bimbingan, jaringan strategik serta penerapan inovasi dan teknologi, selaras dengan prinsip Ekonomi MADANI yang menekankan keterangkuman, kemampanan dan kesejahteraan bersama.

Melalui pelbagai program intervensi yang dilaksanakan di bawah INSKEN, pembangunan keusahawanan negara terus menunjukkan impak positif. Pada tahun 2024, inisiatif INSKEN telah berjaya menjana peningkatan **hasil jualan sebanyak RM23 juta**, mewujudkan **468 peluang pekerjaan baharu** serta membantu **60 usahawan meningkatkan status perniagaan daripada mikro kepada kecil**.

Gerakan koperasi pula terus menjadi pemangkin ekonomi rakyat dengan **16,284 koperasi berdaftar** di seluruh negara yang mencatatkan aset berjumlah **RM173.35 bilion** dan perolehan **RM68.18 bilion** setakat 31 Disember 2024. Di **Sabah** sahaja, terdapat **1,994 koperasi berdaftar** dengan **keanggotaan 375,559** orang, **aset RM1.008 bilion** dan perolehan **RM774.45 juta**.

Sinergi antara IKMa dan INSKEN turut diperkukuh dalam membangunkan modal insan koperasi dan keusahawanan berdaya saing. **IKMa** melatih lebih **80,000 peserta** setiap tahun melalui **650 program latihan** dengan peruntukan **RM6.7 juta** bagi tahun 2025, manakala **INSKEN** telah membimbing lebih **128,000 usahawan** melalui lebih **3,600 program** keusahawanan di seluruh negara.

KUSKOP juga terus memperkukuh peranan **Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM)** sebagai badan kawal selia serta **Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA)** sebagai badan perwakilan utama gerakan koperasi, bagi memastikan tadbir urus koperasi yang berintegriti serta pelaksanaan **Dasar Pendigitalan Koperasi Malaysia (DIGIKOP 2030)**.

Melalui pendekatan menyeluruh ini, KUSKOP yakin pelaksanaan **Dasar Koperasi Malaysia (DaKoM) 2030** yang menyasarkan sumbangan koperasi sebanyak **5% kepada KDNK** dan perolehan mencecah **RM73 bilion menjelang 2030**, akan dapat direalisasikan.

KUSKOP kekal komited memperkasa komuniti luar bandar sebagai teras pembangunan inklusif dan mampan, selaras dengan aspirasi Ekonomi MADANI yang menekankan kesejahteraan bersama seluruh rakyat Malaysia.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI
10 NOVEMBER 2025